

KPNB urus operasi perikanan

'Kami ada kepakaran'

BM: Boleh Datuk terangkan secara menyeluruh mengenai KPNB dan rasional penubuhannya?

AHMAD FAIZAL: KPNB ditubuhkan Mac 2006 di bawah MOA dan ia dimiliki lima syarikat termasuk Layar Visi Sdn Bhd iaitu anak syarikat Oilcorp Berhad sebagai pemegang saham tertinggi dengan pegangan 51 peratus manakala selebihnya dipegang Triple Millenium Sdn Bhd, Developtrends Sdn Bhd, Gagasatani Sdn Bhd dan Jarasjaya Sdn Bhd masing-masing mempunyai pegangan 12.25 peratus. Kerajaan Malaysia pula mempunyai saham emas (golden share) yang memberi kedudukan istimewa kepada kerajaan untuk berperanan secara aktif dalam konsortium berkenaan.

KPNB mempunyai tiga operasi utama iaitu perikanan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan operasi perikanan merangkumi pembelian, pengurusan, pengoperasian dan penyelenggaraan kapal perikanan sama ada baru atau terpakai. Sementara operasi pemasaran dan pengedaran pula bertindak sebagai pihak yang akan membeli hasil tangkapan dari segmen operasi perikanan dan memasarkan atau mengedarkan hasil berkenaan.

PENUBUHAN Konsortium Perikanan Nasional Berhad (KPNB) Mac tahun lalu adalah satu inisiatif kerajaan untuk membangun dan meneraju sektor perikanan negara sekali gus menjadi pemangkin dalam mencapai objektif Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3 1998-2010).

Konsortium yang ditubuhkan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) itu bertanggungjawab menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemprosesan serta pemasaran produk perikanan.

Ikuti temubual wartawan Bisnes Metro (BM), **HAYATI IBRAHIM** dengan Pengarah Eksekutif KPNB, Datuk Ahmad Faizal Jaafar mengenai hala tuju KPNB dalam satu pertemuan baru-baru ini.

an kepada pasaran luar serta segmen pemprosesan makanan laut bagi menambah nilai kepada keseluruhan hasil tangkapan.

Bagi segmen pemprosesan makanan laut pula, KPNB bertanggungjawab memproses hasil tangkapan mentah kepada bentuk lain yang boleh dipasarkan semula kepada pengguna seperti sardin atau tuna dalam tin.

BM: Di mana operasi penangkapan ikan dilakukan ketika ini?


AHMAD FAIZAL: Dalam tempoh dua tahun pertama, kami akan beroperasi di Pelabuhan Malaysia International Tuna Port di Pulau Pinang (MITP), Kompleks Perikanan di Kuantan, Pahang, Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Tanjung Manis di Sarawak dan Tok Bali di Kelantan. Selain itu, kami akan

memulakan tangkapan di Lautan Hindi dan menghan-tar hasil tangkapan ke MITP. Kami juga akan memasuki kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pada suku ketiga tahun ini dengan menggunakan pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuantan.

BM: Memandangkan KPNB turut terbabit dalam segmen pemprosesan, berapa banyak pusat pemprosesan yang dimiliki?

AHMAD FAIZAL: Ketika ini, kami mempunyai satu pusat pemprosesan di Pulau Pinang, selain mengadakan kerjasama strategik dengan satu kilang pemprosesan hasil laut di Kuala Lumpur. Kilang berkenaan akan memproses hasil tangkapan dan ia dijadikan nilai tambah kepada produk sedia ada sebelum dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa.

AHMAD FAIZAL
...cukup kepakaran



Kami juga berhasrat menambah bilangan kilang pemprosesan pada masa depan dan jumlahnya bergantung kepada keperluan dan skala ekonomi.

BM: Bagaimana pula dengan aspek kepakaran, adakah KPNB mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menjalankan operasi terbabit dan siapa pesaing utama di peringkat Asean?

AHMAD FAIZAL: Saya percaya, kami mempunyai kepakaran yang mencukupi dalam bidang perikanan dan saya yakin kami tidak mempunyai masalah dari segi kepakaran. Malah, kakitangan pengurusan kami juga mempunyai kepakaran dalam semua aspek termasuk dalam aktiviti hulu dan hilir perikanan.

Menyentuh mengenai persaingan, kebanyakan aktiviti perikanan di rantau Asean beroperasi dengan satu spektrum saja iaitu aktiviti perikanan dan jika ada yang syarikat perikanan bersepadu, mereka hanya melakukan operasi berkaitan dalam skala kecil berbanding KPNB. Konsortium ini adalah syarikat perikanan bersepadu yang bukan hanya beroperasi di peringkat nasional, malah antarabangsa. Kami mempunyai kelebihan berbanding syarikat dari negara lain dan saya percaya tidak timbul soal pesaing dengan syarikat lain di rantau Asean. Setakat yang saya tahu, tiada lagi pesaing yang mampu menyaingi kepakaran yang dimiliki kami ketika ini.

Bursa Malaysia

Indeks Komposit	1,372.28	+11.63
FBM Emas	9,183.42	+68.38
Papan Kacua	107.07	-0.23
Mesdaq	135.49	-0.34

Kaunter Untung

CHMOBIL-C2	35.000	1.250
HKEX-C2	43.000	1.000
IOICORP	5.550	0.400
RANHILL	2.180	0.370
SPSETIA	9.150	0.350

Kaunter Cergas

RANHILL	2.180	0.370
L&G	0.505	0.070
PALETTE	0.280	-0.020
FTEC	0.455	0.035
EDEN	1.100	0.090

TUKARAN ASING

	JUALAN	BELIAN
1 Dolar AS	3.4769	3.4110
1 Euro	4.6560	4.5640
1 Pound Sterling	6.8730	6.7370
1 Dolar Australia	2.9340	2.8590
1 Dolar Singapura	2.2625	2.2180
100 Riyal Saudi	93.6500	89.9600
100 Dolar Hong Kong	45.1500	42.5900
100 Rupiah Indonesia	0.0400	0.0350
100 Yen Jepun	2.8170	2.7610
100 Baht Thailand	11.4600	9.7600

TM terima anugerah Frost & Sullivan

TELEKOM Malaysia Bhd. (TM) menjadi kebanggaan negara apabila dipilih sebagai syarikat Malaysia pertama dinobatkan